

**WAWANCARA KHAS RTM
PROGRAM BERSAMA PERDANA MENTERI**

Radio dan Televisyen Malaysia,

Angkasapuri, Kuala Lumpur

14 Julai 1998

Anggota Panel:

1. Tuan Syed Amin Al-Jefri, Yang Di Pertua, Dewan Perniagaan Melayu Malaysia, Bandaraya Kuala Lumpur (WP)(moderator)
2. Prof. Hamdan Adnan, Presiden FOMCA
3. Encik Chua Yew Kay, Pengarang Berita The STAR

Syed Amin □ Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, salam sejahtera, selamat malam sidang penonton yang saya hormati sekalian. Malam ini kita akan bersama-sama dengan Y.A.B Dato Seri Dr Mahathir Mohamad, Perdana Menteri Malaysia yang kita kasihi, dalam satu rancangan untuk berbincang berkenaan dengan isu-isu ekonomi semasa. Kita akan bertanya-tanya dengan Y.A.B Dato Seri, apakah pandangan beliau terhadap keadaan ekonomi kita pada hari ini yang saya kira begitu penting kerana ianya amat melibatkan rakyat kerana rakyat merupakan penggerak utama ke atas ekonomi kita ini dan juga menjadi pengguna ke atas kehasilannya. Selamat Datang Dato Seri, terima kasih kerana dapat kita bertemu dengan Dato Seri dan bersama-sama dengan saya juga Dato Seri ialah dua lagi rakan saya. Yang pertamanya di sebelah kanan saya ialah Prof. Hamdan Adnan, Presiden FOMCA dan yang di hujung sana ialah Encik Chua Yew Kay iaitu pemberita daripada akhbar The STAR. Dan mungkin saya boleh mulakan dulu Dato Seri perbincangan

kita pada malam ini dengan mengemukakan satu soalan berkenaan keadaan kedudukan ekonomi kita pada hari ini. Kalau kita bandingkan dalam masa satu tahun telah berlalu, apakah keadaan ekonomi kita pada hari ini sama seperti yang dulu ataupun telah banyak perbezaan?

Perdana Menteri □ Sebenarnya perbezaan banyak. Kalau kita ambil keadaan sebelum bulan Julai tahun 1997, ekonomi negara kita berjalan dengan baik, tumbuh dengan begitu pesat pada paras lapan peratus setahun dan kita jangka pada tahun 1997 kita akan mencapai matlamat kita. Malangnya pada bulan Julai oleh kerana serangan terhadap Ringgit kita yang menyebabkan nilai Ringgit kita jatuh, maka hari ini ekonomi kita merosot, merosot sehingga pada tiga bulan pertama tahun ini bukan sahaja pertumbuhan tidak berlaku tetapi ianya boleh dikatakan *minus growth* iaitu sebanyak 1.8 peratus *contraction* dan ini sudah tentu mempunyai kesan terhadap pembangunan negara kita, terhadap kesejahteraan hidup, kebahagiaan hidup rakyat negara kita, juga kepada sistem bank kita dan juga kepada peniaga-peniaga.

Syed Amin □ Jadi dalam keadaan yang ada pada hari ini Dato Seri, apakah kita sudahpun sampai ke satu tahap yang boleh kita katakan *the worst is already over*?

Perdana Menteri □ Kita tidak boleh hendak buat ramalan sama ada sudah *bottoms out* ataupun sudah sampai ke paras yang terendah, kerana keadaan ekonomi kita begitu sekali dikuasai oleh pedagang matawang dan juga mereka yang meniagakan saham-saham kita. Mereka boleh dengan mudahnya menurunkan lagi nilai matawang kita, mereka boleh menjatuhkan lagi nilai saham kita mengikut sesuka hati mereka, jadi dengan kerana itu kita tidak boleh membuat ramalan apa yang mereka akan buat. Jadi saya berpendapat bahawa mereka akan terus menekan (saham dan matawang) jika ini menguntungkan mereka.

Syed Amin □ Ada juga di kalangan ramai Dato Seri yang begitu sangat kabur tentang nilai Ringgit Malaysia dan harga saham kita yang masih jatuh. Jadi banyak media Barat telahpun menyalahkan Kerajaan Malaysia dan juga Dato Seri sendiri berkenaan dengan kejatuhan nilai Ringgit dan juga harga-harga saham kita. Jadi ada sesetengah kalangan rakyat yang mempercayai dakwaan ini. Bolehkah Dato Seri terangkan kepada kita sebab sebenarnya kejatuhan nilai Ringgit dan juga harga-harga saham.

Perdana Menteri □ Kita tidak faham kenapa mereka boleh menyalahkan Kerajaan kita ataupun mana-mana Kerajaan lain yang menghadapi masalah yang sama kerana Kerajaan ini tidak berubah, dasarnya tidak berubah, cara-cara pentadbirannya tidak berubah. Kalau pada bulan Jun kita membuat sesuatu luar biasa maka pada bulan Julai jatuh nilai Ringgit, kita boleh salahkan perbuatan itu tetapi kita tidak buat apa-apa yang luar biasa. Oleh itu kenapakah jatuh? Bagi Kerajaan untuk menjatuhkan nilai matawang kita biasanya mengisytiharkan, mengadakan *gazette* ataupun perisytiharan yang berkata bahawa sekarang ini nilai matawang kita dikurangkan. Tetapi kita tidak buat demikian. Jadi kalau kita tidak buat, siapa yang buat? Tentu ada orang lain yang buat kerana Ringgit dengan sendirinya tidak boleh menurunkan nilainya. Kerana Ringgit tidak boleh tahu apakah Kerajaan itu baik atau tidak baik, dia tidak boleh tahu, yang tahu ialah orang. Orang mana yang tahu? Dan peniaga matawang memangpun boleh menaik ataupun menjatuhkan nilai matawang semata-mata dengan cara mereka menjual matawang itu atau membelinya. Kalau dijual Ringgit jatuhlah nilai Ringgit, kalau dijual Rupiah jatuhlah nilai Rupiah. Tetapi kalau mereka beli balik maka nilai itu naik balik. Jadi mereka yang membuat ini bukan kita.

Prof. Hamdan □ Dato Seri, beberapa langkah telah diambil oleh Kerajaan untuk memulihkan ekonomi dan banyak negara telah meminjam kepada IMF, tetapi negara

kita tidak mahu meminjam kepada IMF. Adakah kita boleh memulihkan ekonomi kita tanpa IMF kerana kita nampak juga negara-negara lain yang telah meminjam dengan IMF ini mereka lagi teruk daripada kita. Oleh itu boleh Dato Seri jelaskan.

Perdana Menteri □ Yang jelas itulah kalau kita minta pertolongan daripada IMF ia tidak menjamin pemulihan ekonomi. Kita lihat sebenarnya apabila negara-negara lain meminta pertolongan IMF keadaan menjadi lebih buruk. Umpamanya di Indonesia, di waktu Indonesia meminta pertolongan IMF Rupiah telah jatuh daripada 2,500 Rupiah kepada satu Dolar Amerika kepada 3,600. Apabila mendapat *so-called* pertolongan daripada IMF, nilai Rupiah mula-mula kuat sedikit 3,200 kepada satu Dolar Amerika. Tetapi kemudian daripada itu jatuh dengan begitu teruk sehingga sampai kepada 16,000 Rupiah kepada satu Dolar Amerika. Demikian juga dengan Won Korea bila dapat pertolongan IMF dia tidak memulihkan kedudukan matawang, sebaliknya menjadi lebih buruk. Jadi kerana itu kita tidak nampak apa sebabnya yang kita harus meminta pertolongan daripada IMF kerana pertolongan itu tidak menjamin kekuatan bagi Ringgit kita. Sebaliknya kita cuba berusaha sendiri dan keadaannya tidaklah sebegitu buruk seperti setengah-setengah negara yang meminta pertolongan daripada IMF. Sebab itu kita pilih untuk tidak meminta bantuan daripada IMF.

Prof. Hamdan □ Dato Seri, akhbar kelmarin ada menyatakan seorang daripada pegawai IMF mengatakan bahawa *the worst is over for all except Indonesia*, kalau tidak silap saya. Apakah tanggapan Dato Seri?

Perdana Menteri □ Ramalan ini telah dibuat berkali-kali oleh orang lain. Tiga bulan dahulu, enam bulan dahulu. Pada mulanya ada yang berkata kegawatan ini hanya selama tiga bulan sahaja, tetapi sekarang sudah setahun. Jadi ramalan-ramalan ini siapa pun boleh

buat. Tetapi sebenarnya tidak menjamin bahawa pendapat mereka itu tepat.

Syed Amin □ Kita beralih Dato Seri kepada kedudukan pengusaha-pengusaha di Malaysia. Kita tahu Kerajaan telahpun menyediakan berbagai-bagai dana dengan kadar faedah yang agak rendah juga untuk menolong pengusaha-pengusaha ini memulihkan semula ekonomi kita yang ada pada hari ini. Tetapi kalau kita tengok pada hari ini pihak sasaran masih lagi bersungut seolah-olah dana yang telahpun disediakan dan disalurkan kepada mereka ini tidak sampai kepada mereka. Jadi bolehkah Dato Seri terangkan apakah masalah yang sebenarnya. Dan kalaulah benar ada masalah, apakah tindakan yang akan diambil oleh pihak Kerajaan untuk membetulkan keadaan ini?

Perdana Menteri □ Yang pertamanya faedah hutang ini masih tinggi walaupun 'BLR'nya (*base lending rate*) hanya 11 peratus tetapi bank menambah keuntungan mereka sehingga empat peratus, menjadikannya 15 peratus kadang-kadang sampai 16 peratus. Jadi dengan itu peniaga sukar untuk mendapat keuntungan dan mereka enggan meminjam. Yang keduanya, bank sendiri tidak begitu berminat untuk memberi hutang. Kadang-kadang permintaan untuk hutang itu ditolak begitu sahaja ataupun diberi alasan itu dan ini dan kita tahu bahawa bank mencari jalan mudah untuk mereka dapat untung. Dana untuk industri kecil dan sederhana (IKS) umpamanya, kita dapati Kerajaan memperuntukkan sebanyak 1.5 bilion Ringgit untuk dipinjam kepada IKS. Tetapi bank dalam jangka masa empat bulan, tiga bulan telah mengeluarkan hanya 40 milion Ringgit daripada 1.5 bilion. Daripada 1,500 milion, mereka keluar cuma 40 milion Ringgit sahaja. Sedikit sekali. Mereka begitu kononnya menghalusi ini tidak boleh untung, ini tidak baik, mereka tidak bagi pinjam. Jadi walaupun Kerajaan cuba mengadakan dana yang mencukupi, tidak ada kerjasama daripada bank ataupun faedah yang

terlalu tinggi menyebabkan dana itu tidak diguna sepenuhnya.

Syed Amin □ Jadi apakah rancangan di masa depan Dato Seri untuk menggunakan kaedah-kaedah lain untuk membolehkan dana ini sampai ke pihak sasaran?

Perdana Menteri □ Ya kita cuba berbincang dengan bank-bank dan cuba menasihat mereka supaya mengeluarkan lebih banyak pinjaman. Di sini kita menghadapi satu masalah iaitu pendapat dunia sekarang ini ialah pemerintah ataupun Kerajaan tidak harus mengarah bank untuk memberi pinjaman. Kononnya ini bertentangan dengan pasaran, dasar pasaran. Jadi bank mestilah bebas untuk membuat keputusan sendiri. Jadi kalau kita tidak boleh mengarahkan bank, maka matlamat kita tidak tercapai. Tetapi kalau kita cuba juga arahkan bank maka kita akan dikecam dan bukan sahaja dikecam, kadang-kadang diturunkan lagi nilai matawang kita.

Chua □ Memandangkan ekonomi yang gawat sekarang, pendapatan Kerajaan kian merosot. Adakah Kerajaan mempunyai cukup kewangan untuk membiayai pembangunan dan perbelanjaan negara?

Perdana Menteri □ Ya, cukup kalau kita mengadakan defisit *budget*. Tetapi kalau kita cuba hendak membiayai segala kos pentadbiran dan pembangunan dengan pendapatan kita, sudah tentu tidak cukup kerana kita bergantung kepada keuntungan syarikat-syarikat. Dulu syarikat-syarikat ada yang untung sehingga dua bilion Ringgit. Kalau mereka untung dua bilion Ringgit 560 milion adalah hak Kerajaan sebagai cukai. Sekarang ini mereka rugi, jadi kita tidak dapat 560 milion bahkan kita dapat sedikit sangat, ada syarikat yang rugi langsung. Jadi kita tidak dapat apa-apa cukai. Dengan itu kewangan Kerajaan menjadi begitu lemah sehingga kita tahun depan saya yakin kita perlu mengadakan defisit *budget*.

Prof. Hamdan □ Adakah Malaysia terpaksa meminjam wang dari luar?

Perdana Menteri □ Ya kita terpaksa meminjam wang dari luar kerana itu sahaja satu cara untuk menampung keperluan kewangan, baik untuk Kerajaan ataupun untuk pembangunan ekonomi oleh pihak swasta. Kita tidak ada jalan lain melainkan untuk meminjam. Kalau kita cuba keluarkan, kita cetak lebih banyak wang, itu akan menyebabkan nilai Ringgit kita jatuh.

Prof. Hamdan □ Dato Seri ini pasal duit kita mengalir keluar, adakah ia masih berlaku dan jika masih berlaku apakah tindakan-tindakan yang patut diambil untuk memastikan yang mereka ini tidak berbuat demikian kerana ia pasti merugikan kita.

Perdana Menteri □ Ada dua pendapat berkenaan dengan ini. Duit kita mengalir keluar kerana faedah pinjaman, faedah *fixed deposit* di luar negeri lebih tinggi daripada di Malaysia. Dengan itu mereka yang ingin mendapat faedah yang tinggi akan membawa duit itu keluar. Yang keduanya ada juga pendapat yang berkata bahawa oleh kerana faedah di Malaysia, walaupun rendah daripada luar negeri, tinggi dari pandangan peniaga jadi mereka tidak meminjam duit. Apabila mereka tidak meminjam duit maka duit itu tidak akan dapat faedah daripada simpanan, sebab itu ia mengalir keluar. Kalau kita turunkan faedah maka aktiviti perniagaan perusahaan akan meningkat, ramai yang akan memerlukan wang dan wang itu murah maka mereka akan pinjam dan dengan itu duit itu tidak perlu pergi ke luar negeri, dia boleh berada di dalam negeri dan mendapat faedah bagi mereka yang menyimpan dalam negara kita.

Syed Amin □ Dato Seri, namun demikian kita tahu di dalam langkah-langkah Kerajaan ini untuk memulihkan kedudukan ekonomi kita, satu daripada perkara yang kita akan buat ialah untuk memberi apa yang dipanggil sebagai *soft loan* kepada pengusaha-

pengusaha yang tertentu untuk membolehkan mereka ini megeneratekan semula ekonomi dan perniagaan mereka. Tapi ada juga yang begitu sangsi Dato Seri, dari segi penggunaan *soft loan* ini. Takut nanti akan digunakannya pula untuk dialirkan ke luar negara untuk hendak bayar hutang mereka di luar negara dan sebagainya. Jadi apakah pandangan Dato Seri dalam hal ini dan adakah Kerajaan akan mengambil langkah-langkah tertentu untuk memastikan supaya *soft loan* ini digunakan untuk memulihkan ekonomi kita.

Perdana Menteri □ Kita boleh bagi *soft loan* hanya kepada projek-projek tertentu yang kita boleh lihat berjalan. Jadi kita tahu wang itu diguna untuk projek itu, lagi pun kita tidak *release* semua sekali sekali gus kita memberi sedikit demi sedikit mengikut *progress*, secara ansuran dan dengan itu kemungkinan ia lari ke luar negeri itu kuranglah, saya tak tahu kata hapus langsung saya tak berani kata tapi saya ingat kurang, kita boleh bagi.

Chua □ Dato Seri, Kerajaan telah mengadakan insentif untuk rakyat Malaysia membawa pulang wang yang disimpan di luar negara, tapi ada yang masih ragu-ragu hendak membawa balik wang itu kerana mereka nampak seolah-olah tidak ada keikhlasan di pihak Kerajaan. Jadi apa jaminan Y.A.B kepada mereka supaya membawa pulang wang ke negara ini.

Perdana Menteri □ Kita telah cuba, umpamanya tidak mengenakan cukai apa-apa kepada wang yang dibawa balik dari luar negeri, dari dahulu pun tidak ada cukai. Tetapi mereka masih enggan kerana kalau mereka bawa balik dan kemudian menggunakan untuk perniagaan mereka maka mungkin *income tax* akan soal dari mana datang, sumbernya itu dan kalau mereka bagi jawapan mungkin mereka akan dikenakan cukai juga. Sekarang ini kita memerlukan mereka membuat laporan bila membawa balik mereka mestilah lapor berapa banyak yang bawa balik

supaya kemudian bila mereka guna wang itu untuk perniagaan kita tahu wang itu tidak perlu dikenakan cukai. Tetapi mereka tidak begitu senang hati untuk membuat laporan takut-takut ada soalan yang bawa keluar dari negara kita ini bila, bagaimana dapat dan banyak soalan. Memanglah Lembaga Hasil Dalam Negeri ini suka membuat soalan dan kadang-kadang mereka mengadakan, menggeledah dan mengambil dokumen. Ini menakutkan orang, jadi ini yang menyebabkan tidak banyak yang dibawa balik.

Prof. Hamdan □ Dato Seri, saya tahu masih ada laporan mengatakan banyak syarikat, kilang banyak terpaksa gulung tikar dan sebagainya dan ini menyebabkan ramai rakyat kita tidak bekerja dan tentu ada langkah-langkah untuk memastikan masalah ini dapat ditangani sebaik-baiknya.

Perdana Menteri □ Setakat ini belum ramai, ada, kita akui ada yang terpaksa menganggur kerana kegawatan ekonomi. Tetapi kita bernasib baik kerana negara kita sebenarnya mempunyai lebih banyak peluang kerja daripada pekerja dari dahulu. Sebab itu kita terpaksa menerima hampir dua juta rakyat asing. Jadi kalau ada keadaan yang mana rakyat kita menganggur maka yang menganggur sepatutnya ialah orang asing dan kita boleh hantar mereka balik dan orang kita mengambil tempat. Tapi orang kita tidak boleh langsung memilihlah, kalau memilih sukarlah bagi kita untuk mengadakan kerja itu juga bagi mereka. Saya yakin keadaan kita lebih baik daripada kebanyakan negara-negara lain yang mana negara lain mereka memang pun tidak dapat memberi peluang kerja kepada semua rakyat mereka dengan itu kalau ada pengangguran mereka tidak ada peluang lain. Di Malaysia kerana kita ada lebih banyak peluang kerja daripada pekerja Malaysia sendiri maka kalau ada sesuatu berlaku yang memerlukan pekerja dihentikan maka kita minta kepada mereka supaya menghentikan pekerja asing dan pekerja kita tidaklah perlu menganggur.

Syed Amin □ Dato Seri, satu perkara lagi ini berkenaan dengan penubuhan Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN) kita tahu MTEN ini telah ditubuhkan sejak bulan Januari yang lalu, tapi saya rasa rakyat masih lagi tertanya-tanya apakah sebenarnya yang telah pun dijalankan oleh MTEN. Kalau boleh Dato Seri terangkan sedikit.

Perdana Menteri □ Pada peringkat mula MTEN membuat kajian menyeluruh untuk menentukan keadaan dan apakah caranya kita mengatasi masalah yang dihadapi oleh sektor-sektor ini, bahagian-bahagian ini. Itu sudah pun siap dan sudah pun diterima. Di masa yang sama kita mengambil tindakan untuk mengatasi masalah ini dan tindakan ini sudah pun diterima oleh Kerajaan dan diumumkan sebagai tindakan Kerajaan bukan tindakan MTEN. MTEN cuma bagi pendapat kepada Kerajaan. Umpamanya satu daripada keputusan MTEN ialah supaya segala dagangan Malaysia hendaklah dibuat dalam matawang rakan dagang kita, tidak dengan menggunakan dolar Amerika, itu satu daripada keputusan MTEN, juga kita kata bersama dengan ASEAN kita ada *bilateral payment arrangement* iaitu kita tidak guna wang sepenuhnya sebaliknya kita imbangkan perniagaan import dan eksport dan kita bayar cuma perbezaan itu saja. Kalau ada lebih kita kena bayar kepada negara asing, kalau terkurang mereka bayar kepada kita. Jadi semua ini telah diusahakan hasil daripada keputusan MTEN. Satu lagi keputusan MTEN ialah berkenaan dengan NPL (*non performing loan*) ini dan untuk ini kita telah menubuhkan *asset management company*, Pengurusan Dana Harta Nasional Bhd. (Danaharta). Banyak keputusan MTEN telah pun dilaksanakan tetapi kita tidak hebohkan sangat kerana ada kekhuatiran kalau kita buat sesuatu yang tidak disukai oleh peniaga matawang asing ini, mereka menggunakan itu sebagai alasan untuk menekan turun nilai Ringgit dan juga untuk menjual saham kita supaya saham kita jatuh lagi, sebab itu

kita tidak heboh sangatlah apa yang dibuat oleh MTEN.

Syed Amin □ Seperkara lagi berkenaan pelabur-pelabur asing Dato Seri, ada yang mengatakan Dato Seri sekarang ini sebenarnya tidak begitu minat dengan pelabur-pelabur asing, bagaimana reaksi Dato Seri?

Perdana Menteri □ Tidak benar, sebenarnya kita bahagikan pelabur asing ini kepada dua kumpulan. Satu kumpulan melabur di dalam negara kita ini untuk mengeluarkan barangan yang digunakan di Malaysia ataupun dieksport. Ini kita memang memberi galakan, insentif dan macam-macam lagi kita bagi dan kita lihat bagaimana hampir semua negara mempunyai pelaburan dalam industri-industri di Malaysia. Setakat hari ini pun mereka masih melabur. Tetapi ada lagi satu jenis pelabur yang cuma berminat untuk membeli saham dalam pasaran saham. Mengikut cara amalan pasaran saham ini apabila saham dibeli berturut-turut maka nilai saham itu naik. Apabila dijual maka nilai saham itu jatuh. Jadi apa yang dibuat oleh mereka ialah mereka membeli berturut-turut sehingga nilai saham meningkat begitu tinggi sehingga tidak ada kena-mengena dengan keuntungan syarikat ataupun aset syarikat. Setelah dia naik begitu tinggi mereka jual, ambil untung. Jadi bila mereka jual ambil untung maka saham itu jatuh sehingga sekarang ini bawah daripada *issued price* ataupun bawah daripada harga satu dolar, *par valuenya*, bawah daripada itu. Ini merugikan syarikat-syarikat kita sebab itu kita tidak begitu berminat dengan mereka sebagai pelabur. Kita berminat dengan pelabur yang ingin menanam modal di sini untuk mengeluarkan barangan.

Chua □ Dato Seri, apakah bentuk pelaburan yang Malaysia galakkan dan mengalu-alukan?

Perdana Menteri □ Kita hendak supaya pelabur datang ke sini untuk mendirikan kilang mengeluarkan microcip ataupun

radio, tv, barang-barang lain termasuk dalam MSC, mengadakan perniagaan secara besar-besaran di dalam MSC, mengeluarkan *software programme*, *hardware*, mengeluarkan barangan *animation* umpamanya. Itu memang kita menggalakkan dan kita masih meminta supaya mereka datang dan mereka pun sambut itu dengan baik. Yang kita tidak galak ialah mereka yang hanya ingin bermain pasaran saham kita kerana ini satu jenis perjudian. Sebenarnya pasaran saham tidak lagi berfungsi sebagai tempat untuk menentukan nilai saham satu-satu syarikat. Pasaran saham juga tidak menjadi tempat untuk mencari modal untuk perniagaan. Ia menjadi tempat untuk bermain yang seakan-akan judi juga iaitu mereka membeli saham dengan tujuan untuk menaikkan nilai saham. Bila sudah naik tinggi mereka jual saham, ambil untung. Jadi yang tinggal dengan saham yang lain ini rugi kerana nilai saham yang mereka beli sudah pun jatuh. Inilah masalah yang dihadapi sekarang. Orang semacam itu kita tak berminat.

Prof. Hamdan □ Dato, saya kena tanya soalan ini, ramai pengguna bersungut kerana harga barangan keperluan terutamanya makanan naik dan kita harap Dato dapat meyakinkan pengguna bahawa Kerajaan mengambil tindakan-tindakan yang wajar bagi memastikan bahawa harga barang keperluan asas ini terutamanya makanan adalah dalam kemampuan mereka.

Perdana Menteri □ Inilah satu perkara yang kalau kita bandingkan Malaysia dengan negara lain, sebenarnya Malaysia adalah istimewa kerana kenaikan harga barang tidak secara mendadak. Di negara lain ia memang naik dengan tinggi. Kita luar biasa sedikit kerana kita mengamalkan *price control* walaupun tidak ada peperangan. Biasanya *price control* ini diadakan di zaman darurat atau perang. Tetapi walaupun tidak ada darurat kita masih *control* barangan perlu dan dengan itu barangan perlu tidak boleh naik dengan

terlalu cepat melainkan ada sebabnya. Dan sebab yang biasa yang menaikkan harga ini ialah kerana barang itu diimport. Bila diimport kita terpaksa terima harga yang naik di negara punca yang menghadapi masalah kenaikan harga. Bila susu, umpamanya, naik harga di Australia, kita tidak boleh nak beli dengan harga murah. Jadi kita kena bayar harga mahal dan banyak daripada barang-barang ini yang kita import — susu, gandum, gula, daging — ini semua kita import dan kita terpaksa turut harga di luar negeri. Bila dia masuk di sini harga barang ini naik. Bila harga barang ini naik, walaupun kita cuba *control* barang tempatan juga, penjual barang tempatan mesti dapat wang yang lebih untuk membeli barang-barang yang naik ini. Dengan itu mereka naikkan harga barang mereka. Ini kita perlu kawal kerana tabiat peniaga ialah mencari peluang untuk menaikkan harga. Umpamanya, katalah harga minyak naik 10 peratus. Mereka kata harga minyak naik 10 peratus, barang kita juga mesti naik 10 peratus. Dan kita tanya kepada mereka kenapa naik 10 peratus? Berapa peratus minyak yang menjadi kos kepada barangan anda? Jadi bila kita dapati minyak mungkin cuma 10 peratus atau lima peratus sahaja daripada kosnya. Jadi kalau lima peratus, minyak naik 10 peratus dia boleh naik cuma 0.5 peratus, setengah persen sahaja. Tetapi dia biasanya, nak naik sampai lima peratus atau 10 peratus dengan itu kita dapat kawal sedikit. Sebab itu walaupun kita hadapi masalah ini angka inflasi kita tidak begitu tinggi, naik daripada dulu. Yang itu kita akui kita tak dapat nak mengawal harga barang dari luar negeri. Apabila Ringgit kita jatuh maka kita perlu guna lebih banyak Ringgit untuk membeli barang luar, kalau dulu untuk membeli satu barang yang harganya satu Dolar Amerika kita cuma perlu RM2.50, sekarang kita perlu RM4.20. Bermakna benda yang dulu harganya satu Dolar Amerika, kita kena bayar sekarang ini RM4.20 bukan RM2.50 lagi. Sebab itu harga dia naik. Tetapi yang kita kawal ialah jangan dia menular kepada barangan-barangan lain

secara yang tidak adil, tidak ada sebab. Itu yang kita cuba buat.

Chua □ Sedang Kerajaan berusaha mengawal harga, apa pula dengan bekalan barangan?

Perdana Menteri □ Ya, bekalan barangan dari luar negeri kita cuba kurangkan, kerana kita sudah kurang duit untuk membeli. Tetapi ada benda-benda yang kita tidak dapat kurangkan sangat kerana ia merupakan keperluan. Umpamanya, kalau kita hendak buat kereta Proton, kita masih perlu beli enjinnya dari Jepun. Jadi kita tidak boleh kata kita kurangkan walaupun sebenarnya terkurang kerana pasaran kita sudah menjadi kurang tetapi enjin mesti beli juga. Jadi barang yang boleh kita elak seperti kasut Gucci, *neck-tie* yang jenis mewah ini, tak payahlah kita beli. Dengan itu kita kurangkan import. Sebab itu sekarang ini kita dapati import kita sudah berkurangan banyak dan eksport kita melebihi import. Dan imbalan bayaran sekarang ini memihak kepada kita.

Syed Amin □ Lagi satu perkara Dato Seri ialah berkenaan dengan nasihat yang selalu kita dengar kepada rakyat supaya mereka lebih menabung, jangan terlalu sangat berbelanja. Tapi ada kala juga ini mungkin bertentangan dengan kaedah untuk kita hendak memulihkan ekonomi, jadi apa pendapat Dato Seri?

Perdana Menteri □ Ini timbul banyak salah faham di kalangan rakyat tentang apa perlu dibuat di masa kegawatan ekonomi. Kalau kita kata kita menabung, itu menguntungkan daripada segi kalau kita tabung dalam bank, duit itu boleh diguna oleh peniaga untuk berniaga, boleh dipinjam. Tetapi kalau kita tidak belanja duit kita, kita simpan di rumah, itu mengurangkan duit *in circulation*. Dan bila kita tak guna duit untuk membeli barang, peniaga menjadi mangsa. Dia hendak jual apa kalau barang dia, dia jual nasi lemak orang tak makan, rugilah dia. Jadi

kita tak hendak dia susah. Kita hendak perniagaan dia hidup. Jadi di sini Kerajaan meminta supaya rakyat belanja secara bijak dan bijak bermakna jangan beli barang yang tidak perlu terutama yang diimport. Kita kurangkan itu. Tetapi belanja dalam negeri secara berpatutan supaya peniaga-peniaga kecil terutamanya tidak menghadapi masalah. Dalam pada itu kalau peniaga kecil pula cuba mengambil kesempatan dengan menaikkan harga 100 peratus, kita jangan beli. Itu yang makna bijak tadi. Jadi kita kena tolong jaga supaya harga barang tidak naik, di masa yang sama kita tidak hendak peniaga-peniaga rugi.

Prof. Hamdan □ Dato, tentang kempen belilah barang buatan Malaysia ini juga kadang-kala timbul rungutan dan sebagainya. Tetapi bagi FOMCA kita memang menyokong dan dalam itu kita ingin tahu langkah-langkah yang telah Kerajaan ambil dan juga pihak swasta minta arahan kepada mereka.

Perdana Menteri □ Kita masih dapati rakyat kita ini kurang yakin akan kualiti barangan buatan Malaysia, sedangkan barangan buatan Malaysia sekarang ini dijual di seluruh dunia sebagai barangan berkualiti. Jadi kita mesti atasi perasaan bahawa barangan kita ini tidak punyai kualiti. Sebab itu saya mengalu-alukan usaha untuk mengadakan Ekspo Cintai Malaysia dengan mempamerkan barangan-barangan buatan Malaysia supaya lebih terkenal. Sebenarnya rakyat juga tidak dapat tahu barangan buatan Malaysia itu begitu berkualiti sehinggalah kalau kita beli kemeja di New York, umpamanya, kita bawa balik bagi kepada kawan tiba-tiba kawan kata ini *Made in Malaysia*. Jadi seolah-olah kalau *Made in Malaysia* tidak begitu baiklah. Tetapi sebenarnya kita sekarang ini mesti mengurangkan pembelian barang import dengan membeli barangan Malaysia dan kita tidak harus ragu-ragu ataupun kluatir akan kualiti. Di masa yang sama penjual mestilah jual dengan harga yang berpatutan.

Syed Amin □ Lagi satu perkara Dato Seri berkenaan dengan Dana Khas Negara. Dato Seri puas hati dengan sambutan rakyat terhadap dana ini?

Perdana Menteri □ Nak kata puas hati pun tidaklah tetapi sebaliknya kita dapati rakyat sambut setakat yang mereka boleh, setengah dengan duit syiling, barang kemas dan lain-lain. Tetapi jumlahnya tidaklah begitu banyak. Tetapi sebagai satu bukti semangat rakyat itu memang memuaskan. Kita berasa gembira kepada rakyat yang sanggup menderma untuk memulihkan keadaan ekonomi di dalam negara kita. Ini memberi semangat yang kuat kepada kita semua.

Prof. Hamdan □ Dato, bagi orang yang tak sempatlah semasa dia tak ada duit dan sebagainya tetapi masih hendak (menyumbang) tetapi terlambatlah. Jadi bagaimana dia hendak (menyumbang)

Perdana Menteri □ Bila-bila masa kita terima dan tidak semestinya dalam bentuk duit. Mungkin dalam bentuk apa juga barang yang mempunyai nilai. Barangkali sedikit sahaja, bukan kita minta banyak, tetapi semangat itu penting. Kalaupun dia memberi satu sen, dikumpul, dibawa oleh kanak-kanak, umpamanya membawa tabung, itu kita berasa amat gembiralah, kerana ini menunjuk semangat rakyat.

Chua □ Adakah tabiat menabung oleh rakyat ini boleh membantu negara dalam keadaan sekarang ini dan adakah ini antara langkah yang Kerajaan menggalakkan?

Perdana Menteri □ Menabung dengan menyimpan di dalam sistem bank kita, itu memang baik, kerana duit itu berjalan, berguna. Kalau kita menabung dengan menyimpan di bawah bantal umpamanya, dia tidak mendatangkan faedah sama sekali. Dengan itu saya meminta kepada mereka yang mempunyai barang kemas. Barang kemas dengan sendirinya tidak mendatangkan apa-apa faedah, cuma cantik dipakai sahajalah. Tetapi kalau dimasukkan dalam bank, digadai dengan harapan

kemudian akan dapat balik dia akan menambah modal negara. Jadi menabung dengan secara itu berfaedah. Dengan menyimpan wang ataupun harta dengan cara yang tidak bergerak, tidak membawa hasil, itu amat merugikan.

Prof. Hamdan □ Saya nak tanya apakah peranan pengguna dalam keadaan kegawatan. Kadang-kadang mereka hendak Kerajaan sahaja tetapi pengguna sendiri juga perlu memainkan peranan.

Perdana Menteri □ Ya, pengguna mesti bijak seperti apa yang saya katakan tadi iaitu apakah barangan yang perlu dibeli oleh mereka. Sudah tentu barangan import kurangkan. Barangan tempatan yang harga berpatutan. Mereka patut melayan orang yang menjual dengan harga yang berpatutan. Kalau ada orang yang mengambil kesempatan *profiteering* umpamanya, pengguna harus asingkan mereka. Tetapi kena berhati-hati, jangan pula kita tergesa-gesa membuat tindakan boikot dan sebagainya kerana setiap kali kita buat tindakan itu ada orang yang rugi. Jadi saya anggap pengguna punya peranan ini cukup besar kerana kita semua pengguna. Orang yang mengeluarkan barang, yang menjual pun, dia di waktu lain menjadi pengguna. Jadi semasa mereka menjual, jangan cuba mengambil kesempatan sedangkan kita tidak suka bila kita membeli pula kita menjadi pengguna, kita marah kepada orang lain. Jadi pengguna mestilah menegur dengan secara membina. Alhamdulillah di Malaysia kita tidak ada banyak masalah. Jadi kadang-kadang kita dapati di setengah-setengah negara, adakan demonstrasi secara besar-besaran kerana marah, macam di France, umpamanya, lori-lori sekat perjalanan. Itu menaikkan kos. Kita harus ingat tindakan yang kita ambil itu mungkin akan membawa hasil yang jauh daripada kehendak kita. Kalau kita buat sesuatu yang menaikkan kos, jadi kita tidak mendapat faedah daripadanya. Jadi di sini, Profesor sebagai pemimpin

pengguna mesti tahu bahawa tindakan mestilah setelah dikaji dan diputus secara bijak.

Chua □ Dato Seri, apakah sikap pengguna yang mereka patut ambil, bersabar menunggu sehingga kegawatan ekonomi ini selesai. Macam mana mereka hendak menghadapi keadaan ini sekarang?

Perdana Menteri □ Yang pertamanya pengguna mesti faham akan masalah yang kita hadapi. Kalau pengguna umpamanya membuat anggapan yang salah, berkata bahawa ini adalah kerana Kerajaan korup, ada macam-macamlah kesalahan Kerajaan tanpa mengambil periksa dan dengan kerana itu bertindak dengan cara tidak bertanggungjawab, ini akan merugikan akhirnya pengguna itu sendiri. Di masa yang sama kalau ada amalan-amalan yang tidak baik, pengguna mesti dedahkan amalan itu. Tetapi setelah dibuat kajian, didapati ada asas. Kadang-kadang kita buat kajian pun kita fikir ada asas kemudiannya mungkin ditunjuk tidak ada asas. Tetapi di sinilah kita perlu pengguna menjadi satu *force* untuk menjaga kestabilan ekonomi negara dalam keadaan kegawatan ini dengan tidak mengambil tindakan secara tidak bertanggungjawab. Di Malaysia kita tidak nampaklah perkara ini berlaku tetapi kita lihat di negara-negara lain, yang mana pengguna tidak mempedulikan sebab-sebab sesuatu itu berlaku. Mereka cuma bertindak. Umpamanya, kalau harga susu naik, kerana naik harga daripada Australia dan nilai Ringgit kita jatuh, mereka tidak peduli tentang sebab ini. Mereka meminta supaya susu mesti dijual dengan harga yang murah. Jadi kalau hendak dijual dengan harga yang murah tentu ada orang yang mesti pikul beban. Kalau tidak Kerajaan, pengimport mesti bayar. Berapa lama pengimport boleh bayar. Ini adalah satu perkara yang bagi saya amat penting pengguna faham. Iaitu apa sebab sesuatu itu berlaku, sebelum bertindak. Tetapi kalau didapati ada asas kita patut bertindak.

Syed Amin □ Jadi dari segi Kempen Membeli Barangan Buatan Malaysia ini Dato Seri, sejauh manakah keberkesanannya sebenarnya?

Perdana Menteri □ Saya nampak berkesan, cukup berkesan. Saya baru saja lancar Kempen Ekspo Cintailah Malaysia yang mana lebih daripada 400 gerai mempamerkan barangan buatan Malaysia. Dan semalam saya mendapat laporan tidak kurang daripada 90,000 orang mengunjungi ekspo itu dan dengan itu mereka kenal akan barangan buatan Malaysia. Dan memangpun kita dapati pembelian barangan asing sudah berkurangan. Sebab itu dalam angka tiga bulan pertama dagangan Malaysia, kita dapati 16 bilion Ringgit lebih eksport daripada import. Bermakna kita sekarang ini membeli barang yang tidak diimport, barangan tempatan.

Prof. Hamdan □ Dato Seri, pasal beras ni, barangan asas. Sekarang timbul sedikit masalah sama ada *super grade* ini hendak dikawal atau tidak dikawal. Sebabnya harga beras itu walaupun *grade* yang sama berbeza sampai lima enam ringgit. Pandangan Dato Seri dalam hal ini.

Perdana Menteri □ Ya, kita lama dah terlibat dengan *control* berkenaan dengan beras ini. Tetapi peniaga beras cukup susah untuk kita *control*. Umpamanya dulu kita tidak bebaskan *super grade*. Tapi ada yang berpendapat kenapa kita harus *control* yang mana beras ini diguna oleh orang yang kaya, dia boleh pilih beras yang biasa kalau dia tidak mampu bayar. Kemudian kita kata o.k.lah kita lepaskan daripada *control*. Tetapi kita dapati peniaga kadang-kadang dicampurnya. Dia katanya *super grade* tetapi dia masukkan 10 peratus, lima peratus beras biasa. Takkanlah kita hendak kena pergi periksa satu persatu tiap-tiap kedai. Kadang-kadang dibuat oleh pekedai itu sendiri. Jadi masalah yang berlaku sekarang ini ialah kerana kadang-kadang kita dapati pekedai ini tidak jujur. Mereka dapat beras yang gred tinggi, tetapi kerana hendak

untung lebih dicampur dengan gred yang rendah. Melainkan kalau pembeli itu pergi ukur, bilang, apa semua itu dia tidak tahu. Jadi itu yang menyebabkan orang ramai *complaint* kenapa beras ini begitu mahal, sedangkan grednya tidak sebegitu. Melainkan kalau kita boleh mengadakan pegawai yang ramai, yang boleh periksa tiap-tiap kedai, kita tidak boleh nak kawal. Jadi ada perkara-perkara yang tidak mampu sebenarnya Kerajaan buat.

Syed Amin □ Ya, Dato Seri, sekarang ini kita tengok, kalau kita bandinglah dengan negara-negara lain, kita ni bolehlah dikatakan bernasib baik daripada mereka walaupun kita mengalami masalah ekonomi. Kita tidak perlu hendak minta pertolongan IMF, kita tidak ada rusuhan ataupun mogok dan sebagainya. Jadi apakah sebenarnya yang menyebabkan keadaan begitu aman di negara kita pada hari ini, walaupun kita menghadapi masalah ekonomi.

Perdana Menteri □ Mungkin orang akan menganggap ini sebagai kita masuk dalam bakul dan angkat diri sendiri. Tetapi sebenarnya dasar negara kita ini adalah satu dasar yang memberi keadilan kepada semua pihak. Tahun 1969 umpamanya, berlaku rusuhan kaum dan sebabnya rusuhan kaum berlaku ialah kerana persepsi terutamanya orang Melayu bahawa di negara mereka sendiri mereka miskin, sedangkan orang asing lebih kaya. Dan bandar-bandar didapati dimiliki oleh terutamanya kaum Cina. Dengan itu mereka merusuh dan mereka membakar kedai, kereta dan sebagainya kerana mereka tahu kedai-kedai ini milik orang Cina, kereta itu milik orang Cina. Selepas kita amalkan Dasar Ekonomi Baru kita berjaya menaikkan taraf hidup orang Melayu dan Bumiputera lain dan sekarang ini mereka sudah begitu berjaya sehinggakan kedai-kedai, kereta-kereta di dalam bandar pun adalah milik mereka juga. Mungkin tidak memuaskan hati mereka tetapi sebenarnya. Jadi kalau mereka merusuh sekarang ini, cuba membakar kedai, cuba membakar kereta

mungkin mereka akan membakar kereta orang Melayu sendiri. Jadi dengan itu mereka tidak berbuat demikian. Sebab itu kita dapati bahawa sekarang ini oleh kerana tidak ada perasaan irihati di kalangan orang Melayu terhadap orang Cina jadi tidak berlaku rusuhan. Di masa yang sama pula kaum Cina terima bahawa Dasar Ekonomi Baru ini sebagai satu insuran bagi mereka bahawa tidak akan berlaku lagi rusuhan seperti tahun 1969. Jadi inilah pendekatan yang kita guna sebab itu kita bentukkan Dasar Ekonomi Baru. Kita cuba mewujudkan di kalangan Bumiputera dan orang Melayu, orang yang peringkat menengah dan orang yang kaya, *millionaires, billionaires* supaya seimbang antara kaum ini. Jadi tidak ada lagi irihati. Kalau tidak adaimbangan ini, saya yakin akan berlaku rusuhan dan dalam kegawatan ekonomi ini kita akan menghadapi masalah politik yang lain.

Syed Amin □ Jadi sebagai kesimpulan Dato Seri, bolehkah Dato Seri terangkan sama ada kita benar-benar yakin yang kita dapat menangani masalah ekonomi yang melanda negara kita pada hari ini.

Perdana Menteri □ Saya bagi pihak diri saya, yakin, berasas kepada perpaduan rakyat dan sokongan bulat kepada Kerajaan. Ini penting kerana yang akan bertindak yang akan membuat keputusan ialah Kerajaan. Tetapi Kerajaan yang tidak yakin di belakangnya terdapat majoriti rakyat, Kerajaan itu tidak boleh bertindak. Dan kita lihat di mana-mana sahaja yang mana Kerajaannya lemah, mereka menghadapi masalah. Kalau buat sesuatu ada sahaja pihak yang menyerang mereka. Jadi dengan itu mereka takut untuk mengambil tindakan. Alhamdulillah di Malaysia, rakyat Cina, Melayu, India, Kadazan, Murut, Bajau, semua menyokong Kerajaan. Dengan itu kita berani, umpamanya kita berani menolak cadangan supaya kita menerima bantuan IMF. Kita berani sebab Kerajaan kuat dan rakyat sokong Kerajaan. Sebab itu saya percaya kalau dengan

sokongan ini, apabila Kerajaan membuat satu-satu keputusan, akan ada kritik, tetapi majoriti akan menyokong Kerajaan dan dengan itu tindakan Kerajaan akan lebih berkesan. Inilah harapan saya iaitu dengan meneruskan sokongan kepada Kerajaan dan tidak mencetuskan huru-hara, rusuhan, mogok dan sebagainya, kita akan dapat mengatasi masalah ini yang kita hadapi ini.

Syed Amin □ Terima kasih banyak Dato Seri kerana sudi datang ke studio untuk memberi penjelasan dan penerangan mengenai isu-isu ekonomi yang telah menimpa negara kita.